

U GB 05-02 00173 BC949

AAB

Mahathir-Proton (Ulangan Membetulkan Intro)  
RAMOS SOKONG PASANG PROTON SAGA DI FILIPINA  
Daripada Azman Ujang

I

BAGUIO (Filipina), 5 Feb (Bernama) -- Rancangan Perusahaan Otomobil Nasional (Proton), pembuat kereta nasional Malaysia, untuk memasang kereta Proton Saga di Filipina mendapat sokongan Presiden Filipina, Fidel Ramos.

Memandangkan minat presiden itu untuk melihat projek tersebut dilaksanakan, beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bermesyuarat bagi kali kedua di Manila semalam untuk membincangkan cadangan itu.

"Presiden Ramos begitu berminat dengan projek itu dan telah memberi jaminan bahawa beliau akan memberi apa jua sokongan yang diperlukan," kata Dr Mahathir kepada pemberita semasa melawat Akademi Tentera Filipina di bandaraya tanah tinqqi ini.

Kedua-dua orang pemimpin itu mengadakan mesyuarat dua hala pertama mereka sejurus selepas Dr Mahathir tiba di ibu negara Filipina ini untuk lawatan rasmi empat hari, Khamis, yang pertama oleh seorang Perdana Menteri Malaysia.

Dr Mahathir berkata, tiada keputusan yang dicapai pada mesyuarat semalam kerana beberapa halangan yang perlu diatasi. -- Lagi

♥05/02/20-58MST

U GB 05-02 00128 BD667

aab

Mahathir - Proton 2 Baguio (Filipina)

"Seperti negara lain, Filipina mengenakan beberapa halangan ke atas pemasangan kereta oleh pembuat asing dan dalam kes ini halangan utama ialah mereka belum membuat keputusan sama ada untuk mengeluarkan satu lagi lesen untuk maksud itu.

"Kedua-dua pihak masih mencari jalan untuk mengatasi perkara itu, katanya.

Yang turut hadir di mesyuarat Mahathir-Ramos itu ialah Pengerusi Eksekutif Diversified Resources Berhad (DRB), Datuk Yahaya Ahmad dan Setiausaha Perdagangan dan Industri Filipina Rizalino Navarro.

Yayaha memberitahu Bernama semalam mengikut cadangan urus janji, DRB dan sebuah Syarikat Filipina akan menjadi pengedar Proton Saga di negara itu.

Beliau berkata pasaran kereta di Filipina tumbuh melebihi 60 peratus tahun lalu dengan lebih 30,000 buah kereta dijual. -- Lagi

♥05/02/21-14MST

CNS8972

H GB 05-02 00194 BB668

aab

Mahathir - Proton 3 Baquio (Filipina)

Mengenai lawatannya Perdana Menteri berkata beliau terharu dengan lavanan baik rakyat Filipina terutamanya mereka yang berbaris di sepanjang jalan dari lapangan terbang di sini dan di Teluk Subic untuk menyambutnya.

Sebelum tiba di sini, Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, empat orang menteri kabinet dan lebih 60 orang usahawan diberi sambutan meriah di lapangan terbang Teluk Subic oleh beribu-ribu orang yang mencibarkan bendera kecil Malaysia dan Filipina. Sepanduk dalam bahasa Melayu yang menyambut kedatangan Dr Mahathir dan rombongannya turut dipasang di beberapa tempat strategik.

"Rakyat Filipina dan rakyat Malaysia ialah dari satu rumpun bangsa dan mereka amat berbangga dengan hakikat ini. Ya, saya berpendapat lawatan saya ke sini seperti penemuan semula persahabatan antara jiran terdekat," kata Perdana Menteri.

Apabila ditanya supaya menjelaskan hubungan antara kedua-dua negara hasil daripada lawatannya Dr Mahathir berkata: "Sejak merdeka, inilah pertama kali kedua-dua negara begitu rapat."

Kepada tuntutan Filipina ke atas Sabah yang belum lagi diselesaikan, beliau berkata, Manila masih mencari satu penyelesaian yang setakat ini belum tercapai kerana isu sangat rumit. -- Lagi

▼05/02/21-32MST

CNS8980

R GB 05-02 00130 BB018.

aab

Mahathir - Proton 4 Baquio (Filipina)

"Filipina menunjukkan kejujuran dalam hasrat untuk memulihkan hubungan dengan Malaysia," kata beliau.

Semasa melawat ke Akademi Tentera Filipina yang setaraf dengan akademi tentera "West Point" di Amerika, Dr Mahathir diberi sambutan ketenteraan dengan memeriksa perbarisan kehormatan terdiri daripada angkatan tentera, laut dan udara dengan iringan tembakan 19 das dilepaskan.

Baquio, 245 km ke utara Manila juga dikenali sebagai Ibu Negeri Musim Panas Filipina.

Terdahulu, di Teluk Subic, Dr Mahathir diberi taklimat mengenai rancangan yang sedang dijalankan untuk menjadikan kawasan itu sebagai satu daripada pusat pemprosesan eksport utama di Asia.

Pengerusi Lembaga Metropolitan Teluk Subic Richard Gordon berkata, lebih 40 svariakat telah menubuhkan operasi dengan mewujudkan lebih 10,000 peluang pekerjaan. -- Lagi

▼05/02/21-45MST

CNS8983

R GB 05-02 00115 BB019

aab

Mahathir - Proton 5 (akhir) Baquio (Filipina)

Genting Group dari Malaysia juga telah "bertapak" di teluk itu dengan melabur dalam projek kasino, hotel dan pusat perancangan.

Dr Mahathir, ketika berucap pada taklimat itu berkata beliau berpuas hati kerana beberapa syarikat dari Malaysia bersetuju melabur di Teluk Subic yang mempunyai kemudahan infrastruktur yang diperlukan.

"Saya pasti pada masa depan, kita boleh mengadakan penerbangan terus dari Malaysia ke Teluk Subic," kata beliau.

Esok pagi, Perdana Menteri akan mengakhiri lawatan dengan berlepas ke Bandaraya Davao, di Mindanao, 960 km ke selatan Manila sebelum kembali ke Kuala Lumpur pada lewat tengah hari. -- Bernama

AU

▼05/02/21-47MST